



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 68  
Bil. 3

**10hb Februari 2015**

*TAMBAHAN*  
*No. 4*

---

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 Tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 373.**

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya melalui Pemberitahuan No. 595 yang disiarkan dalam *Warta Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 1 April 1910, Residen British Perak pada menjalankan kuasa yang terletak hak padanya seksyen 8 Enakmen Tanah 1903 telah mengisyiharkan bahagian tanah yang terletak di Mukim Kamunting, Daerah Larut, Matang dan Selama yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan No. 95-3 yang disimpan di Pejabat Jurukur Daerah Taiping sebagai rizab bagi maksud awam iaitu sebagai tapak sistem pengurusan air yang akan diselenggarakan oleh Jurutera Negeri Perak.

Dan bahawasanya, kini didapati sual manfaat oleh Pihak Berkua Negeri bahawa perizaban tersebut terdahulu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu, mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa juu yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah, Larut, Matang dan Selama pada 27 Februari 2015, jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari.

## JADUAL

Daerah—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Kamunting. No. Pelan—95-3. No. Lot—425. Luas—10 ekar 2 rod 4 pol.

Bertarikh 26 Januari 2015

[PTG.Pk. 821-1 Jld. 5(C); PTLM. 257/14/2012 Jld. 1;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 66]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

Whereas, by Notification No. 595 published in the Federated Malay State Government *Gazette* on 1 April 1910, the British Resident of Perak, in exercise of the powers vested in him by section 8 of the Land Enactment 1903, proclaimed that the parcel of land situated in the Mukim of Kamunting, District of Larut, Matang dan Selama described in the Schedule and delineated upon Plan No. 95-3 deposited in the Office of District Surveyor, Taiping to be reserved for the purpose, of waterworks to be maintained by the State Engineer Perak.

And whereas it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule:

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority hereby gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke wholly of the reservation as described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, Land and District Office of Larut, Matang dan Selama on 27 February 2015, at 8.00 a.m. to 1.00 p.m.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

10hb Feb. 2015]

401

## SCHEDULE

District—Larut, Matang and Selama. Mukim—Kamunting. Plan No.—95-3.  
Lot No.—425. Area—10 acres 2 roods 4 poles.

Dated 26 January 2015  
[PTG.Pk. 821-1 Jld. 5(C); PTLM. 257/14/2012 Jld. 1;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 66]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

*Secretary*

*State Executive Council*

*Perak Darul Ridzuan*

Hakcipta Pencetak<sup>(H)</sup>

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA